

Tarikh Iklan: 6 Oktober 2025 (Isnin)



**JABATAN LANDSKAP NEGARA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN
TEMPATAN**



NOTIS SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar Kementerian Kewangan dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

PEJABAT YANG MEMANGGIL TENDER	TAJUK PROJEK	TARAF/ JENIS SYARIKAT*	GRED, KATEGORI & PENGKHUSUSA N/ KELAS	TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK (DIWAJIBKAN)	HARGA DOKUMEN DAN BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT, TARIKH DAN MASA TENDER DITUTUP
Jabatan Landskap Negara, Tingkat 7, 8, 9 & 10, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya	No. Sebut Harga : JLN/SH/04/2025 Sebut Harga Pelupusan Aset Tak Alih Kerajaan Secara Jualan Sisa Bagi Struktur Jambatan Gnatung Di Zon Rekreasi Keluarga, Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur.	Terbuka	I. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang 221902 (Membeli Barang Luluh Dan Perlu Permit PDRM)	Tarikh: 9 Oktober 2025 (Khamis) Masa: 10.00 pagi Tempat berkumpul: Bangunan Informasi, Zon Rekreasi Keluarga, Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur (KEHADIRAN ADALAH DIWAJIBKAN) Sila bawa bersama : a) Salinan pendaftaran perniagaan yang sah (SSM). c) Cap rasmi syarikat	(Dokumen Sebutharga akan diberi secara PERCUMA selepas Pendaftaran dan Lawatan Tapak	PETI TAWARAN SEBUT HARGA Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, Jabatan Landskap Negara, Aras 7, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya Tarikh Tutup: 16 Oktober 2025 (Khamis) Masa : 12.00 Tengah Hari

TAKLIMAT SEBUT HARGA DAN LAWATAN TAPAK

Taklimat sebut harga dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** kepada semua penyebut harga. Penyebut harga digalakkan untuk hadir lawatan tapak atas tanggungjawab sendiri bagi membantu penyebut harga mendapat maklumat yang lebih tepat dan mengetahui keadaan/maklumat tambahan yang berguna bagi menyediakan tawaran sebut harga. Hanya penyebut harga yang menyertai taklimat sebut harga dan lawatan tapak layak menyertai sebut harga.

Tarikh dan Tempat Taklimat Sebut harga :

9 OKTOBER 2025 (KHAMIS) jam 10.00 pagi di Bangunan Informasi, Zon Rekreasi Keluarga, Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

Kenderaan tidak disediakan semasa lawatan tapak.

PERINGATAN : Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang menghadiri lawatan tapak yang sah sahaja. Untuk maksud ini kontraktor dikehendaki membawa sijil pendaftaran **ASAL** Kementerian Kewangan Malaysia besertakan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat beserta salinan (Salinan sijil tidak akan dikembalikan).

Taklimat sebut harga dan Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**. **HANYA PENAMA** yang tercatat di dalam Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia dan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat sahaja **YANG DIBENARKAN MENGHADIRI LAWATAN TAPAK / SESI TAKLIMAT / MENGAMBIL DOKUMEN SEBUTHARGA**.

Pembida/ Syarikat TIDAK DIBENARKAN mewakili pegawai selain daripada penama dalam Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan dan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat selaras dengan arahan Perolehan Kerajaan di Pekeliling Perbendaharaan Kerajaan.

SILA BAWA CAP BERALAMAT UNTUK MEMUDAHKAN URUSAN PENDAFTARAN/PEMBELIAN DOKUMEN

1. Dokumen sebut harga boleh dikemukakan secara serahan tangan/kurier dengan mematuhi Prosedur Operasi Piawai (SOP) yang disediakan di dalam **Arahan Kepada Sebut Harga**.
2. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan dengan Tajuk dan Nombor Sebut Harga di atas sampul surat. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Jabatan Landskap Negara, Tingkat 7, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya** pada atau sebelum jam **12.00 tengah hari, 16 OKTOBER 2025 (KHAMIS)** Tender No. **JLN/SH/04/2025** dan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen sebut harga yang dikemukakan melalui pos. Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan juga tidak terikat untuk menerima tawaran rendah atau mana-mana tawaran.
3. Iklan di atas juga boleh diakses dengan melayari laman web rasmi Jabatan Landskap Negara di alamat **www.jln.gov.my** dan web rasmi Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan di alamat **www.kpkt.gov.my** dan web myprocurement di alamat **www.myprocurement.treasury.gov.my**.

4. *Jenis Pendaftaran:

- T1 - Syarikat 100% milik warganegara
- A1 - Syarikat 100% milik warganegara ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia iaitu syarikat-syarikat yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia dan warganegara dengan syarat pegangan saham individu yang tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.
- A2 - Syarikat 100% milik warganegara ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia ATAU syarikat usaha sama yang diperbadankan di Malaysia (tidak kira samaada disenaraikan di Bursa Malaysia atau tidak) dengan syarat pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

Ketua Pengarah
Jabatan Landskap Negara
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

Tarikh : 6/10/2025